

Biografi Temubual Bersama Prof Dr. Asiah Binti Sarji

Nur Athirah Binti Rusdi,
Nur Darissa Syazwani Binti Mohd Azhar
Saiful Farik Mat Yatin
Nordiana Mohd Nordin

Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
Shah Alam, Selangor

Abstrak: *Artikel ini adalah merupakan penulisan biografi berdasarkan temubual bersama Professor Dr. Asiah Binti Sarji yang mengisahkan perjalanan hidup beliau. Merupakan seorang tokoh yang melibatkan diri dalam penulisan sastera, penggiat industri perfileman dan juga seorang pensyarah. Seorang anak desa yang dilahirkan pada era penjajahan Jepun yang diselubungi kesusahan sehingga berjaya menjadi seorang penyair dan turut menjadi seorang pensyarah dan pernah berkhidmat di beberapa buah universiti dalam negara. Artikel ini merangkumi pengalaman hidup beliau yang dibesarkan dalam keluarga miskin dan sering berpindah randah yang disebabkan oleh perubahan pekerjaan bapanya pada ketika itu. Juga perjalanan akademik, penglibatan aktif di peringkat sekolah dan universiti, pencapaian yang beliau perolehi semasa dalam perkhidmatan dan sumbangan daripada hasil kerja beliau.*

Kata Kunci: *Asiah Sarji, Industri Kreatif, Seni Persembahan, Anugerah Buku Negara*

Latar belakang Professor Dr. Asiah Binti Sarji

Merupakan seorang tokoh bidang penulisan sastera, Professor Dr. Asiah Binti Sarji dilahirkan pada 2 Februari 1950. Professor Dr. Membesar di kampung tempat lahir beliau iaitu di Kampung Mengkuang Bidor, Perak dan hidup berpindah dari satu daerah ke satu daerah berikutan pekerjaan bapanya Sarji bin Ismail ketika itu yang merupakan seorang yang pekerja kampung dan juga mempunyai kedai kecil sendiri. Manakala ibu beliau, Hajah Hasnah Binti Abd Rahman merupakan seorang suri rumah. Pada tahun 1952, bapa beliau meninggal dunia akibat ditembak dalam satu peristiwa pembunuhan orang awam yang berlaku di Jalan Kampung Cold Stream Jeram Mengkuang, Bidor Perak. Selepas daripada peristiwa itu, ibu beliau pula meninggal dunia kerana sakit. Beliau merupakan anak ke lima (5) daripada tujuh (7) orang adik-beradik.

Professor Dr Asiah telah mendirikan rumah tangga bersama pasangannya iaitu Muafak Bin Abdullah. Beliau mempunyai seorang (1) cahaya mata perempuan iaitu Lydia Iryani atau dikenali sebagai Lydia AF. Rentetan daripada kematian suami beliau pada tahun 1968, beliau telah menetap bersama-sama anak dan menantu beliau iaitu Asri Azizan di Taman Chempaka 3, Bangi Golf Resort, Selangor. Kini beliau mempunyai tiga (3) orang cucu yang turut tinggal bersama.



Gambar 1: Professor Dr Asiah Binti Sarji



Gambar 2: Ph.D di UKM

Pendidikan Awal

Pada tahun 1962, beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Jeram Mengkuang Bidor, Perak. Pada ketika ini, beliau tidak aktif melibatkan diri dalam aktiviti di sekolah.

Pendidikan Menengah

Pada tahun 1967, beliau menyambung persekolahan di peringkat menengah di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (1) Tapah, Perak. Mula melibatkan diri secara aktif di sekolah tersebut samada dalam bidang sukan mahupun pementasan.

Dalam bidang sukan beliau menyertai pasukan hoki manakala persatuan, beliau melibatkan diri dalam lakonan, kepimpinan, syarahan dan bahas sehingga memenangi beberapa anugerah. Beliau juga mendapat liputan akhbar Utusan Malaysia dalam bidang lakonan dan pementasan drama serta mempunyai peminatnya sendiri. Juga terlibat dalam lakonan drama adalah abang beliau sendiri. Dalam masa yang sama, beliau menyertai

kumpulan kugiran dengan membuat persembahan nyanyian di majlis-majlis kenduri kahwin dan keramaian bagi menambah pendapatan.

Semasa di Tingkatan Lima (5), beliau mula mengurangkan aktiviti lakonan dan menumpukan tumpuan pada pelajaran sehingga mendapat Gred Satu (1) dalam MCE (*Malaysian Certificate Education*) pada tahun 1967. Pada tahun 1969, beliau menyambung pelajaran ke Tingkatan Enam (6) di Sekolah Menengah Kebangsaan Teluk Intan, Perak dan berjaya mendapat keputusan lulus dalam *Higher School Certificate* (HSC).

Pada tahun 1974, beliau melanjutkan pelajaran dalam *Bachelor Degree with Honours in Malay Language and Literature* di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Ketika beliau berada di UKM, beliau pernah bekerja di Jabatan Komunikasi pada tahun 1976. Kemudian, beliau berjaya untuk ke luar negara iaitu ke *Syracuse University, New York State, Amerika Syarikat* untuk menyambung pelajaran dalam *Master of Science (Film & Broadcasting)* pada 1978.

Ketika beliau ingin menyambung pelajaran di Amerika Syarikat, beliau mendapat tawaran tajaan belajar dan bekerja di stesen radio Jepun dan ditawarkan bekerja di *British Broadcasting Corporation* (BBC) London. Namun kesemua tawaran tajaan itu ditolak oleh beliau kerana beliau ingin menfokuskan diri pada pelajaran kerana pada masa yang sama juga, UKM menawarkan tajaan bagi beliau untuk melanjutkan pelajaran. Tawaran tajaan ini menjadikan beliau graduan pertama yang dapat melanjutkan pelajaran ke luar negara di bawah tajaan UKM. Namun, tajaan UKM juga terpaksa beliau tolak setelah mendapat surat kiriman peribadi daripada Dr Mahathir yang merupakan Timbalan Menteri Pelajaran ketika itu, yang mana pembelajaran beliau ke luar negara ditaja dan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan.

Pada tahun 1996, beliau menyambung pelajaran ke peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) di UKM dalam bidang *Broadcasting/Media & Communication Studies*. Beliau terus memulakan kerjaya sebagai pensyarah di UKM selepas tamat pengajian.

Karier Akademik

Selain daripada dalam bidang penulisan, beliau juga pernah menjadi seorang pensyarah di tiga (3) buah universiti tempatan iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan UKM.

Beliau memulakan kerjaya sebagai seorang pensyarah dan berkhidmat di UKM selama tiga puluh tahun bermula pada tahun 1978 sehingga 2010. Pernah menjadi pensyarah di UniMAP selama enam (6) setengah tahun dan UUM selama satu (1) setengah tahun.

Di UKM, bidang kepakaran beliau adalah berkenaan televisyen, sedutan filem dan komunikasi media. Kerap diberi penghormatan untuk menilai karya-karya buku terbaik, skrip terbaik, jurnal terbaik, makalah kritikan terbaik.

Semasa berkhidmat di UniMAP, beliau mengembangkan minat beliau dalam bidang penulisan dalam aspek berkaitan visual dengan menerbitkan banyak buku sehingga pernah melancarkan buku karya beliau sendiri di Pesta Buku Antarabangsa Indonesia pada tahun 2016 (UniMAP, 2016). Hal ini membuktikan bahawa beliau bukan sahaja pensyarah malah menjadikan penulisan sebagai satu platform untuk menyebarkan ilmu dengan menerbitkan buku di persada antarabangsa.

Bidang Penulisan (Sastera)

Beliau bermula menceburi bidang penulisan ini sejak di sekolah rendah iaitu semasa beliau dalam Darjah Lima (5) lagi. Beliau mula menulis sajak kepada rakan beliau dan saling bertukar sajak pada waktu sekolah. Bakat tersebut dipupuk dan dibawa sehingga beliau berkhidmat di universiti. Ramai dikalangan rakan yang mendorong beliau untuk menceburi dan mengembangkan bakat penulisan antaranya ialah Professor Dato' Dr. Adnan Ibrahim, Professor Datin Dr. Shamshubaridah Binti Ramlee, Professor Madya Fuziah Kartini Hassan Basri dan Dr. Yang May Ang. Dengan rakan dan kumpulan ini juga, beliau menyediakan khidmat professional bagi penulisan tesis dan penulisan artikel akademik untuk diterbitkan di dalam jurnal.

Beliau menulis tidak kira tempat dan masa serta boleh mendapat idea di mana-mana sahaja seperti daripada persekitaran, pengalaman dan pemerhatian alam semula jadi. Contohnya melalui pemerhatian beliau terhadap alam semula jadi, maka terhasil puisi yang bertajuk '*Redah*' yang mendapat Anugerah Anotologi Terbaik pada tahun 2016. Karya beliau kebanyakannya diterbitkan dan dijual kepada universiti sebagai bahan rujukan akademik. Beliau juga merupakan seorang penilai untuk buku-buku yang dihantar kepada beliau.

Oleh kerana kecenderungan beliau yang mendalam dibidang kandungan kreatif, sejak kanak-kanak lagi beliau telah mendapat pelbagai kejayaan antaranya persembahan lakonan pentasnya yang mendapat perhatian pengkritik di akhbar nasional dan sajaknya terpilih untuk

dijadikan skrip drama radio di Radio Singapura. Makalah-makalah serta sajak beliau disiarkan di pelbagai majalah seperti Pemimpinan dan Mastika. Aktivitinya masih diteruskan sehingga kini. Hasilnya Dr Asiah telah dinobatkan sebagai salah seorang penerima Anugerah Sastera Negara (puisi Dewan Bahasa Pustaka). Apabila tamat pengajian Ijazah di UKM pada tahun 1970-1974, beliau terus bertugas sebagai Penerbit Rancangan dan Televisyen di Radio Televisyen Malaysia (RTM). Penulisan dan penerbitan dokumentari beliau dihargai dengan Anugerah Seri Angkasa.

Pencapaian

Dari segi pencapaian sepanjang kerjaya dan karyanya, banyak anugerah yang telah dirangkul sehingga di peringkat tertinggi. Untuk anugerah bagi bidang penulisan sastera, beliau telah memenangi beberapa anugerah antaranya adalah:

2018	Anugerah Sanjungan Budi. Majlis Penerbit-penerbit Buku Ilmiah Malaysia (MAPIM)
2017	Anugerah Buku Negara. Antologi Puisi Terbaik Yayasan Pembangunan Buku Negara
1988-1999	Anugerah Sastera Negara
1997	Anugerah Trofi Tan Seri Samad Idris untuk Penulis Kritikan Filem Terbaik FINAS
1976	<i>Best Documentary: Turtle, the treasure of Malaysian Sea</i> (Penulis Skrip) Anugerah Sri Angkasa bersama Dr. Nawiyah (Penerbit)

Selain dari bidang penulisan, beliau juga menerima pelbagai penghargaan serta anugerah, antaranya adalah:

2019	Anugerah Pencapaian Terbaik Dalam Hubungan Industri Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan – SCIMPA – Universiti Utara Malaysia
2017	Anugerah Tokoh PROFIMA. Persatuan Pekerja Profesional Filem Malaysia
2012	Anugerah Siarawan Pencapaian Akademik Cemerlang/ <i>Excellent Performance Broadcasters in Academic</i> . Organisasi: Persatuan Veteran Radio dan TV Malaysia/ <i>The RTM Veteran Association</i>
2012	Anugerah Tokoh Filem Malaysia oleh Kementerian Dalam Negeri Malaysia

2000	Pemenang Anugerah Belia Negara (Wanita) Organisasi: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
------	--



Gambar 3: Trofi Anugerah Antologi Terbaik



Gambar 4: Anugerah Puisi Terbaik Buku Negara



Gambar 5: Anugerah Persatuan Pekerja Profesional Filem Malaysia (PROFIMA)



Gambar 6: Anugerah di Festival Filem Malaysia

Dr Asiah juga banyak membantu pelbagai organisasi dalam industri kreatif secara aktif dengan meningkatkan kandungan kreatif sebagai pemikir, penasihat, juri/hakim, penilai skrip, penulisan sajak, bidang penerbitan dan pelbagai lagi sumbangan beliau terus dihargai melalui Anugerah Khas Tokoh Kementerian Dalam Negeri (KDN), Anugerah PROFIMA dan Anugerah Antologi Puisi Terbaik Malaysia. Beliau juga taksub dengan kekuatan dan keistimewaan bahasa yang boleh menjadikan sesuatu persembahan visual yang boleh meninggalkan impak mesej yang besar. Beliau banyak mempraktikkannya sewaktu di UKM. Namun sewaktu bertugas di UniMAP, beliau banyak sekali mencipta idea konsep produk video promo dan pelancaran. Beliau menyatakan bahawa setiap drama yang diadaptasi daripada novel perlulah melepasi kriteria yang ditetapkan. Hal ini kerana pentingnya untuk meningkatkan

kualiti drama dan penonton kerana drama ini akan ditayangkan kepada semua penonton dan kepada umum. (Berita Harian, 2017)

Kesimpulan

Professor Dr. Asiah Binti Sarji merupakan salah seorang tokoh penulisan sastera. Walaupun bidang penulisan tidaklah begitu popular di kalangan masyarakat, namun beliau telah membuktikan dan sedaya upaya cuba memartabatkan bidang ini sehingga dapat menandingi dan meningkatkan imej Malaysia setanding negara-negara luar. Hal ini adalah kerana, negara-negara luar yang lain telah pun dapat menerbitkan buku-buku seperti yang ditetapkan oleh *The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) iaitu kuantiti yang perlu dicapai oleh sesebuah negara yang membangun. Beliau juga sepatutnya diberikan pendedahan yang besar dan platform yang lebih luas dalam menyokong dan membantu golongan muda agar dapat menjadi sumber inspirasi. Juga membantu bidang ini supaya tidak ditelan zaman dan dilupai sekaligus memartabatkan penulisan di Malaysia agar dapat bersaing dengan negara-negara luar. Walaupun kesedaran dan kepentingan bidang penulisan dan sastera masih rendah, namun melalui sumbangan dan perkongsian ilmu oleh Professor Dr. Asiah Binti Sarji ini, diharapkan ianya dapat menarik perhatian dan sokongan daripada pihak yang berkenaan dalam menyuburkan industri penulisan demi menambah koleksi literasi negara

RUJUKAN

- Asiah Sarji. (2019). Temubual Bersama Tokoh Akademik: Professor Dr. Asiah Binti Sarji Mengenai Latar Belakang dan Pengalaman Hidup Beliau Sebagai Tokoh Penulisan Sastera Temubual oleh Nur Athirah Binti Rusdi dan Nur Darissa Syazwani Binti Mohd Azhar [Fail Digital]
- Ahmad, S. A. (n.d.). Penerbit UniMAP Bakal Lancar Buku Di Pesta Buku Antarabangsa Indonesia 2016. Retrieved from <https://www.unimap.edu.my/index.php/my/berita-malay/1217-penerbit-unimap-bakal-lancar-buku-di-pesta-buku-antarabangsa-indonesia-2016>
- Maklumat peribadi mengenai Professor Dr. Asiah Binti Sarji. (Temubual Sejarah Lisan, n.d.).
- Patawari, S. D. (2019). Buku - Konsep Negara Hukum dan Keterwakilan Rakyat (Perbandingan Sistem Parlemen Beberapa Negara) Patawari.

doi:10.31219/osf.io/tk7ew.

School of Human Development & Telecommunication. (2016). *Staff*. Retrieved from <https://ikom.unimap.edu.my/index.php/102-staff>.

Suriani, D. S. (2019, May 3). Mengimbangi tuntutan Islam dalam kerjaya kreatif. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2019/05/559676/mengimbangi-tuntutan-islam-dalam-kerjaya-kreatif>.

Yusof, S. H. (n.d.). Drama adaptasi novel bawa 'budaya menakutkan. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2017/11/354403/drama-adaptasi-novel-bawa-budaya-menakutkan>.